GastroRelief Suspension

Aluminium Hydroxide, Magnesium Hydroxide, Simethicone (400mg/10ml, 400mg/10ml, 60mg/10ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GastroRelief Suspension
2. Bagaimana GastroRelief Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil GastroRelief Suspension
4. Cara mengambil GastroRelief Suspension
5. Semasa mengambil GastroRelief Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GastroRelief Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan GastroRelief Suspension

GastroRelief Suspension digunakan untuk melegakan kesakitan gastrik dan ketidakselesaan ulser peptik, ketidakhadaman, pedih hati dan asid refluks. Ia juga melegakan keadaan gastrousus yang disebabkan oleh kembung perut.

Bagaimana GastroRelief Suspension berfungsi

GastroRelief Suspension mengandungi Aluminium Hidroksida dan Magnesium Hidroksida yang boleh bertindak balas dengan asid hidroklorik dalam perut dan menukarnya kepada garam klorida masing-masing. Mereka mengurangkan keasidan perut dengan meneutralkan asid gastrik yang dirembeskan. Simetikon ialah agen berbuih yang boleh bergabung dengan gelembung gas di dalam perut supaya gas mudah dikeluarkan.

Sebelum mengambil GastroRelief Suspension

– *Bila tidak boleh mengambil*
Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Aluminium Hidroksida, Magnesium Hidroksida dan Simetikon. Produk ini tidak sesuai untuk pesakit yang mengalami kelemahan dan gangguan fungsi buah pinggang.

– *Sebelum mengambil GastroRelief Suspension*
Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada mereka yang kelemahan buah pinggang.

– *Jika mengambil ubat-ubat lain*
Produk ini mugkin mengganggu atau mengurangkan penyerapan agen antikolinergik, Barbiturat, Digosin, Quinidin dan vitamin.

Cara mengambil GastroRelief Suspension

Goncangkan botol sebelum diambil.

– *Berapa banyak harus diambil*
Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:
Ambil 10ml hingga 20ml, 4 kali sehari.

– *Bila perlu diambil*
Ambil sebolehnya 20 minit hingga 1 jam selepas makan dan sebelum tidur atau mengikut arahan doktor.

– *Berapa lama perlu diambil*
Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

– *Jika anda terlupa mengambil*
Jika anda terlupa ambil GastroRelief Suspension, ambilkannya apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

– *Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)*
Simptom-simptom dos berlebihan termasuk kerengsaan gastrousus, cirit-birit dan sembelit. Keracunan serius boleh mengakibatkan hipermagnesemia.

Rawatan termasuk suntikan intravena Kalsium Glukonat 10% dalam dos 10 hingga 20ml untuk mengatasi kemurungan pernafasan atau sekat jantung. Jika fungsi buah pinggang normal, cecair yang mencukupi perlu diberikan untuk membantu penyingkiran Magnesium dari badan. Dialisis perlu untuk pesakit dengan kerosakan buah pinggang atau hipermagnesemia teruk.

Rawatan adalah secara simptomatik dan sokongan.

Semasa mengambil GastroRelief Suspension

– *Perkara yang perlu dilakukan*
Periksa dengan doktor anda jika simptom berlarutan atau bertambah teruk.

– *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

– *Perkara yang perlu diberi perhatian*
Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada mereka yang kelemahan buah pinggang.

Kesan-kesan sampingan

Kadang-kala antasid boleh menyebabkan masalah sembelit, cirit-birit, rasa mual dan muntah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan GastroRelief Suspension

– *Penyimpanan*
- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

– *Pelupusan*
Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

– *Rupa dan warna produk*
GastroRelief Suspension boleh didapati sama ada dalam ampaian putih yang berperisa peppermint atau ampaian putih yang berperisa blackcurrant.

– *Bahan-bahan kandungan*
- Bahan-bahan aktif
  Setiap 10ml mengandungi Aluminium Hydroxide 400mg, Magnesium Hydroxide 400mg, Simethicone 60mg.

GastroRelief Suspension

Aluminium Hydroxide, Magnesium Hydroxide, Simethicone (400mg/10ml, 400mg/10ml, 60mg/10ml)

- Bahan-bahan tidak aktif
  Sucralose, Sorbitol Powder, Xanthan Gum, Titanium Dioxide, Sorbitol Solution 70%, Peppermint Oil, Chloroform, *Purified Water*, Blackcurrant Flavour , Tutti Frutti Flavour.

– *Nombor MAL*
  GastroRelief Suspension (Blackcurrant)
  MAL16115041X

  GastroRelief Suspension (Peppermint)
  MAL16115042X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP
09/08/2024

Nombor Siri
NPRA(R2/1)240807/1322